




AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DI-TERBITKAN DUA KALI SA-BULAN PADA HARI RABU PERTAMA DAN KETIGA

TAHUN 9. BILANGAN 19.

RABU 7 OKTOBER, 1964.

1384 جمادالآخر 1

PERCHUMA

D.Y.M.M. Menyeru Ra'ayat Baginda BERUSAHA BERSUNGGOH2 DI-SEGALA LAPANGAN

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan telah menyeru seluroh lapisan ra'ayat Baginda supaya sentiasa berusaha dengan bersungguh2 baik di-lapangan ekonomi, sosial mahu pun politik.

Baginda menegaskan bahawa sa-bagai manusia yang bebas tidak ada sekatan untuk berusaha, asalkan tidak terkeluar dari landasan undang2 negeri.

Bertitah di-istiadat mengadap dan mempersembahkan ucapan2 yang telah di-langsungkan di-Balai Singgahsana Istana Darul-Hana pada pagi 23 September, Baginda menekankan bahawa dengan usaha2 yang sehat dan membena, maka dapat-lah kita berganding bahu dengan negeri2 yang sudah bertemaddun.

Baginda juga mengingatkan pemimpin2 politik dan kaum di-negeri ini supaya menyedari akan tanggung-jawab mereka dan memimpin dengan pimpinan yang sehat dan berfaedah kepada ra'ayat dan negara.

Titah Baginda, pemimpin2 hendak-lah mempunyai semangat yang bertanggung-jawab dan jujur terhadap ra'ayat dan negeri ini.

Mengenai ranchangan kemajuan negara, Baginda perchaya bahawa kemajuan2 yang telah di-chapai dan sedang di-usahakan itu akan mendatangkan faedah kepada penduduk2 negeri ini yang sa-memang-nya menjadi hasrat dan chita2 Kerajaan.

Titah Baginda, sa-lain dari kemajuan ekonomi dan sosial, kita juga tidak ketinggalan melangkah ka-hadapan di-dalam segi politik yang sangat2 di-perlukan menurut peredaran zaman sekarang.

Baharu2 ini, titah Baginda, Majlis Mashuarat Negeri telah pun meluluskan satu usul Kerajaan supaya kemajuan perlembagaan yang telah terbantut disebabkan penderhakaan dalam bulan Disember 1962 dapat di-teruskan semula.

Tidak berapa lama lagi pilihan2 raya akan di-adakan untuk memilih wakil2 ra'ayat yang akan menduduki kerusi2 dalam majlis2 ra'ayat yang akan menduduki kerusi2 dalam majlis2 mashuarat Daerah, Negeri dan Kerajaan tegas Baginda.

Baginda berharap, seluroh lapisan ra'ayat tidak akan mengabaikan peluang yang telah diberi ini supaya kemajuan negeri akan sentiasa dalam keadaan yang sehat dan sempurna.

Bertitah mengenai suasana negeri ini yang telah terancham akibat penderhakaan dalam bulan Disember 1962 itu, Baginda betitah bahawa keadaan sekarang ada-lah beransor2 puleh sa-perti sedia kala.

Kepulehan suasana itu, titah Baginda ada-lah terbit dari kerjasama yang erat dari seluroh ra'ayat dan anggota2 pasokan keselamatan.

Berita Sa-Buah Akhbar Di-Australia Mengenai Perjumpaan Antara D.Y.M.M. Dengan General Djatikusumo Sangat2 Mengelirukan

BANDAR BRUNEI. — Berita yang di-laporkan oleh sa-buah akhbar di-Australia, The Canberra Times dan telah di-hebaskan oleh surat2 khabar yang lain mengenai perjumpaan antara Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan Brunei dengan General Djatikusumo dari Indonesia di-Australia dalam bulan Jun yang lepas, ada-lah sangat2 mengelirukan. Demikian menurut satu kenyataan Kerajaan Brunei pada 3 Oktober, 1964.

Siaran tersebut selanjut-nya berbunyi bahawa apa yang sa-benar-nya terjadi dalam masa lawatan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan Brunei di-Australia, Baginda telah di-pinta untuk memperkenalkan supaya General Djatikusumo datang mengadap Baginda, dalam mana



Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan kelihatan dalam gambar ini semasa Baginda menghadhiri Istiadat Perbarisan bagi menyambut Hari Ulang Tahun Keputeraan Baginda di-Pekan Bangar, Temburong pada 29 September, 1964.

Sa-lain dari mengucapkan terima kaseh Baginda, Baginda juga berharap bahawa segala sumbangan dan kerjasama mereka itu akan sentiasa di-hulorkan. Titah Baginda, ada-lah me-

mang sudah menjadi adat bagi kita hidup di-dunia ini bahawa permaufakatan dan kerjasama ada-lah sangat2 di-perlukan lagi menchapai tujuan untuk menem-poh kemajuan dan kebahagiaan.

LAWATAN KA-DAERAH2 PENDALAMAN

Mengenai lawatan2 Baginda ka-Ulu2 sungai di-daerah2 pendalaman negeri ini Baginda menegaskan bahawa tujuan Baginda ada-lah semata2 untuk mempelajari keadaan kehidupan ra'ayat di-kampung2 sa-chara le-beh dekat.

Baginda perchaya bahawa dengan ada-nya lawatan sa-demikian akan dapat-lah Baginda mempelajari kesus-litan2 dan kesusahan2 yang mereka hadapi, di-samping berkenalan le-beh dekat lagi dengan mereka.

Sa-belum itu, ucapan2 telah di-sembahkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Brunei, Dato Seri Paduka Marsal bin Maun sa-bagai wakil ra'ayat dan Kerajaan; Pemangku Pesuruhjaya British di-Brunei, Dato Paduka W. J. Parks dan Y.T. Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha sa-bagai wakil wazir2, cheteria2, kerabat2 di-raja dan menteri2. Uchapan2 yang tidak di-bacha dari wakil2 persekutuan, wakil2 kaum dan lain telah di-persembahkan di-istiadat tersebut.

General Djatikusumo dan sa-orang teman-nya telah datang mengadap Baginda di-Hotel Manzies, Sydney.

Bersama2 dengan rombongan Baginda yang hadir ia-lah:

Yang Amat Mulia Pengiran
(LIHAT MUKA LIMA)

Y. B. AWANG SALLEH HAJI MASRI MENYERU GURU2

*Memberi Pendidikan Yang Baik Kepada
Masyarakat Di-Kampung2*

BERAKAS.—Pegawai Kebajikan Masyarakat Negara, Brunei, Yang Berhormat Awang Mohamed Salleh bin Haji Masri telah menyeru kepada guru2 supaya memberi pendidikan yang baik dan sempurna kepada masyarakat di-kampung2.

Beliau telah membuat seruan tersebut ketika memberi cheramah kepada penuntut2 Maktab Perguruan Melayu Brunei di-dewan maktab itu pada tengah hari 17 September, 1964.

Pengetua Maktab Perguruan Melayu Brunei, Awang Othman

bin Bidin telah memimpin majlis tersebut. Turut hadir di-majlis itu ia-lah pensharah2 maktab itu.

Dalam cheramah-nya yang mengambil masa hampir2 45 minit, Yang Berhormat Awang Mohamed Salleh Haji Masri telah memberi penerangan berkenaan dengan hal ehwal yang bersangkutan paut dengan pekerjaan2 yang di-lakukan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Brunei.

Pekerjaan2 itu, kata beliau, di-bahagikan kepada tiga bahagian, ia-itu Masyarakat Kanak2, Masyarakat Dewasa ia-itu Belia dan Masyarakat Orang2 Tua.

Masyarakat yang mustahak sekali, tegas beliau, ia-lah Masyarakat Dewasa atau Belia, kerana hanchor-lebor, maju-mundur dan aman-tenteram masyarakat ada-lah tanggung-jawab ahli2 terpelajar yang suci dan jujur terhadap ra'ayat.

Di-samping itu, Yang Berhormat Awang Mohamed Salleh bin Haji Masri telah menyeru kepada penuntut2 Maktab Perguruan Melayu Brunei supaya mereka memasuki menjadi ahli2 persatuan2 belia di-negeri ini, kerana dengan jalan itu, maka dapat-lah mereka memberi pertolongan yang besar kepada masyarakat sa-unom-nya.

Menerima Surat Tauliah Lantekan Setia Usaha Kerajaan



Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan kelihatan dalam gambar ini mengurniakan Surat Tauliah Lantekan sa-bagai Setia Usaha Kerajaan Negeri Brunei kepada Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamad Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim, Istiadat yang bersejarah itu telah di-adakan di-Istana Darul Hana pada 23 September, 1964, ia-itu Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, kali yang ke-48.

BERLATEH DI-LUAR NEGERI

BERAKAS.—Tiga orang Pegawai2 dari Jabatan Bahagian Bahasa dan Pustaka Brunei telah berlepas dengan kapal terbang menuju Singapura pada petang 26 September untuk menjalani kursus yang berasingan di-luar negeri.

Mereka itu ia-lah Awang Omar bin Mohammad, Pegawai Perkembangan Bahasa; Awang Ali bin Tamin, Pengarang di-Jabatan tersebut dan Awang Ibrahim bin Mohd. Said, Pegawai Penyelidik Bahagian Bahasa dan Pustaka.

Awang Omar akan menjalani kursus pentadbiran perkembangan Bahasa manakala Awg. Ali akan menjalani kursus pentadbiran dan perchetakan.

Kedua2 mereka itu akan menjalani kursus tersebut di-Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur selama kira2 tiga bulan.

Awang Ibrahim bin Mohd. Said pula telah meneruskan perjalanannya ka-London untuk menjalani kursus Pengarang Buku2 Pelajaran.

Beliau akan menjalani kursus tersebut selama kira2 sa-tahun di-Institute of Education, Universiti London.

Antara yang menghantar mereka di-lapangan terbang Berakas, Brunei ia-lah Pengarah Bahagian Bahasa dan Pustaka, Yang Berhormat Awang Haji Jamil.

Peraduan Hiasan

Pejabat2 Dan Kelab2

SERIA.—Keputusan peraduan hiasan Pejabat2 dan Kelab2 di-Seria bagi menyambut Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan baharu2 ini ada-lah seperti berikut:

Pertama — Ibu Pejabat Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad. Kedua — Ibu Pejabat Polis di-Panaga dan Ketiga — Sekolah Chung Lian, Sungai Liang.

Pepereksaan Menaip Dan Trenckas Melayu

BANDAR BRUNEI. — Pepereksaan Menaip dan Trenckas Melayu, 1964 akan di-adakan di-Negeri Brunei dalam bulan Disember akan datang di-bawah anjoran Trenckas Melayu Institute (Malaya) dan akan di-kelolakan oleh Jabatan Pelajaran, Bahagian Bahasa dan Pustaka, Brunei.

Tarikh2 pepereksaan tersebut ada-lah seperti di-bawah ini:

PERADUAN KEBERSEHAN GERAI2

BANDAR BRUNEI. — Keputusan peraduan kechanteakan dan kebersehan gerai2 di-temasha Pasar Gembira di-Padang Besar Bandar Brunei bagi menyambut hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan ada-lah seperti di-bawah ini:

Pertama — Persatuan Orang2 Tiong Hua, Brunei. Kedua — Pasokan Pengakap. Ketiga — Lim Tee Tee dan Lim Seng Guan.

Hadiah2 Sagu Hati — Pasokan Pengakap dan Guan Hong.

Pepereksaan Menaip dalam Bahasa Melayu pada 18 Disember.

Pepereksaan Trenckas Melayu pada 20 Disember.

Masa dan tempat pepereksaan akan di-siarkan kemudian.

Bayaran memasuki pepereksaan tersebut bagi tiap2 tingkatan ada-lah seperti berikut:

Pepereksaan Menaip: Tingkatan Permulaan \$10. Tingkatan Menengah \$10 dan Tingkatan Tertinggi \$15.

Pepereksaan Trenckas: Tingkatan Permulaan \$10. Tingkatan Menengah \$10 dan Tingkatan Tertinggi \$15.

Borang2 memasuki pepereksaan tersebut boleh-lah di-dapati daripada Guru2 Trenckas dan Menaip atau di-Jabatan Pelajaran, Bahagian Bahasa dan Pustaka, Brunei.

Permohonan2 memasuki pepereksaan tersebut hanya akan diterima pada atau sa-hingga 31 Oktober, 1964.

Peraduan Menyanyi Lagu2 Melayu Asli Brunei
BANDAR BRUNEI. — Awang Abdul Wahab bin Pehin Tuan Imam dari Kampung Lorong Sekuna, Brunei telah menjadi Johan dalam peraduan menyanyi lagu2 Melayu Asli Brunei Bahagian Sha'ir pada masa di-adakan sambutan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan di-Padang Besar Bandar Brunei dalam bulan September yang lalu.

Awang Abdul Rahman bin Awang Ya'akub dari Kampung Kota Batu, Brunei telah mendapat gelaran Naib Johan, manakala Awang Haji Tengah bin Awang Ya'akub juga dari Kampung Kota Batu telah mendapat gelaran Pemenang Ketiga dalam peraduan tersebut.

Pemenang2 peraduan menyanyi bahagian Anding dalam peraduan tersebut ia-lah:

Pertama — Awang Abdul Rahman bin Awang Ya'akub dari Kampung Kota Batu, Brunei. Kedua — Awang A.M. Noordin dari Kampung Pengiran Pemancha Lama, Brunei. Pemenang Ketiga — Awang Haji Tengah bin Awang Ya'akub dari Kampung Kota Batu, Brunei.

Pemenang2 peraduan menyanyi bahagian Dundang dalam peraduan tersebut ia-lah:

Pertama — Awang Abdul Wahab bin Pehin Tuan Imam dari Kampung Lorong Sekuna, Brunei. Kedua — Awang Mohamad Yusof bin Abdul Lamit dari Brunei dan Pemenang Ketiga — Awang Md. Salleh bin Bakar dari Kampung Saba Laut, Brunei.

Pemenang2 peraduan menyanyi bahagian Samalindang, Halus Jua Dindang dan Adai2 dalam peraduan tersebut ia-lah:

Pertama — Awang Md. Salleh bin Bakar dari Kampung Saba Laut Brunei. Kedua — Awang Abdul Wahab bin Pehin Tuan Imam, Kampung Lorong Sekuna, Brunei dan Ketiga — Awang Abdul Rahman bin Awang Ya'akub dari Kampung Kota Batu, Brunei.

Orang2 Tahanan Di-Seru Menumpukan Ta'at Setia Kapada Kerajaan Dan Negara

BUNUT. — Yang Amat Berhormat Mentri Besar Brunei Dato Seri Paduka Marsal bin Maun, telah menyeru orang2 tahanan supaya mereka berusaha menumpukan ta'at setia mereka pada Kerajaan dan Negara dengan mematuhi kapada Undang2 dan Peratoran2 dalam negeri untuk menchapai ketenteraman dan kesempurnaan sesudah mereka di-bebaskan nanti.

Peraduan Pintu Gerbang Di-Kuala Belait

KUALA BELAIT. — Keputusan peraduan pintu gerbang yang telah di-adakan di-kawasan Kuala Belait bagi menyambut Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan adalah seperti berikut:

BAHAGIAN JABATAN2 KE-RAJAAN: Pertama — Jabatan Elektrik. Kedua — Jabatan Kerja Raya Bahagian Wokshop. Ketiga — Pejabat2 Besar Kerajaan.

BAHAGIAN SEKOLAH2: Pertama — Borneo Careers and Handicraft Institute, Kuala Belait. Kedua — Sekolah Mene-ngh Chung Hwa, Kuala Belait. Ketiga — Sekolah Saint James.

BAHAGIAN SHARIKAT2 PERNIAGAAN: Di-menangi oleh Sharikat Perchetakan Brunei Berhad.

BAHAGIAN PERSATUAN2: Pertama — Persatuan Bumi Putera, Kuala Belait. Kedua — Persembahan Orang2 Tiong Hua, Kuala Belait. Ketiga — Persembahan Penduduk2 Melayu Kuala Belait.

TERIMA KASEH

KUALA BELAIT. — Jawatan Kuasa Pembukaan Masjid Muhammad Jamalul Alam, Kuala Belait su-kachita menguchapkan berbanyak2 terima kaseh kapada seluroh masha-rakat Islam yang telah memberikan tenaga dan bantuan bagi menjayakan pembukaan rasmi masjid itu.

Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan telah merasmikan pembu-kaan Masjid Muhammad Jamalul Alam tersebut pada hari Juma'at 25 September, 1964.

Peraduan Pintu Gerbang Di-Seria

SERIA. — Beberapa buah pintu2 gerbang telah di-dirikan di-Seria ba-haru2 ini sa-bagai menyambut Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dan keputusan-nya ada-lah seperti di-bawah ini:

Pertama — Kaum Tiong Hua, Seria. Kedua — Sharikat Minyak Shell Bru-nei Berhad (ia-itu pintu gerbang berhampiran Kilang Pengolah Gas dan Menapis Minyak). Ketiga — Maktab Anthony Abell.

Sekolah Menengah Chung Ching telah mendapat hadiah yang pertama dalam peraduan pintu gerbang baha-

Dato Seri Paduka Marsal telah melafadzkan seruan ini kapada 44 orang tahanan baharu2 ini apabila beliau melawat ka-Pusat Pemulehan Bunut.

Beliau telah di-iringi oleh Tim-balan Mentri Besar, Y.B. Pg. Dato Seri Paduka Haji Moha-med Ali bin Pengiran Haji Daud.

Dalam ucapan beliau, Dato Seri Paduka Marsal menerang-

kan tentang sebab2 pemulehan dan pembebasan mereka mema-kan masa yang panjang ia-lah kerana penyeidekan2 terpaksa di-buat terlebih dulu bagi kepen-tingan mereka, keluarga mereka dan masharakat umum-nya.

Dato Seri Paduka Marsal juga menasehatkan mereka supaya menerima dan mengikuti segala2 naschat yang akan di-beri oleh pensharah2 sa-lama sa-bulan kursus tersebut di-jalankan, mu-lai 16 September.

Beliau perchaya dengan jalan itu-lah mereka akan dapat men-chapai ketenteraman jiwa dan kesempurnaan urusan rumah ta-ngga, yang akhir-nya dan seterusnya mendatangkan ketenteraman dalam negeri.

MAJLIS JAMUAN MAKAN DAN TARIAN MERAIKAN J.K. HARI KEPUTERAAN

BANDAR BRUNEI. — Satu majlis jamuan makan dan tari2an sa-bagai menguchapkan terima kaseh dan tahniah kapada Ahli2 Jawatan Kuasa Tertinggi dan semua Ahli2 Jawatan Kuasa Pera-yaan Hari Keputeraan Maulana Al-Sultan di-Daerah Brunei telah di-adakan di-Brunei Sports Club pada malam 3 Oktober, 1964.

Di-antara beratus2 orang yang hadir di-majlis tersebut ia-lah Yang Teramat Mulia Duli Pengi-ran Pemanha yang juga men-jadi Penaung sambutan tersebut; Yang Amat Mulia Pengiran Ker-ma Indra Haji Muhammad; Se-tia Usaha Kerajaan, Yang Ber-hormat Pengiran Dato Seri Pa-duka Haji Mohamad Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim dan lain2-nya.

Sa-belum majlis itu di-mulai ucapan telah di-berikan oleh Naib Pengerusi Jawatan Kuasa Tertinggi perayaan tersebut, Pg. Haji Metussin bin Pengiran Piut.

Dalam ucapan beliau, Pengi-ran Haji Metussin telah mengu-chapkan berbanyak2 terima ka-seh atas kehadiran Yang Tera-mat Mulia Duli Pengiran Pe-manha dan lain2-nya yang telah sudi hadir di-majlis itu.

Beliau telah menyampaikan ucapan muhibbah dari Penge-rusi Jawatan Kuasa Tertinggi perayaan tersebut, Awang Ali bin Awang Besar yang tidak dapat hadir di-majlis itu kerana be-liau kurang sehat dan berubat di-Rumah Sakit Besar Brunei.

Pengiran Haji Metussin ber-kata bahawa perayaan sambutan

Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia pada tahun ini san-gat-lah meriah dari tahun2 yang lalu.

Beliau telah menguchapkan te-rima kaseh dan tahniah kapada semua Ahli2 Jawatan Kuasa dan lain2 orang yang telah bekerja-sama bagi menjayakan sambutan tersebut.

Majlis tersebut di-akhiri de-ngan tarian joget bertempat di-dewan Brunei Sports Club hingga pertengahan malam.

PERADUAN MENEKA BATANG MACHIS DI-PASAR GEMBIRA

BANDAR BRUNEI. — Persa-tuan Angkatan Tunas Harapan (PATUH), Brunei telah menja-lankan bagi pengira'an dalam Bahagian Meneka Batang Machis yang di-anjorkan oleh persatuan ini pada malam 29-9-1964 di-Padang Besar Bandar Brunei. Kira'an yang tepat ia-lah 977 batang Machis.

Tiada sa-orang peneka pun yang meneka paling tepat sekali, tetapi seramai 4 orang peneka telah memberi teka'an sa-banyak 975 batang.

Hadiah2 bagi merebut hadiah yang pertama dan sa-terus-nya telah di-undi pada malam ter-sebut.

Sa-orang dari peneka di-atas telah mendapat hadiah kasehan dan yang dua orang peneka lagi telah memberi teka'an-nya sa-banyak 773 batang.

Bagi Bahagian Meneka Nom-bor pula telah di-jalankan pada jam 9.30 malam. Chabutan undi sa-chara buah dado telah di-jalankan.

Tiket2 yang bertuah pada ma-lam itu ia-lah tiket No. 794 memenangi hadiah sa-buah Basikal Spot. Hadiah kedua tiket No. 072 memenangi hadiah sa-buah Kipas Angin 12". Hadiah ke-tiga tiket No. 920 memenangi hadiah sa-buah Basikal Kanak2, hadiah Sagu hati tiket2 No. 096, 780 dan tiket No. 533, masing2 memenangi hadiah sa-helai Baju Kemeja Panjang tangan.

Pemenang2 ada-lah di-minta menuntut hadiah masing2 dari-pada persatuan tersebut.

KETAWA SADIKIT AWANG2



Satu pemandangan lawak-jenaka yang telah di-persembahkan oleh murid2 sekolah bagi menyambut Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Mau-lana Al-Sultan di-Dewan Maktab Anthony Abell, Seria baharu2 ini.

Peratoran2 Mengenai Undang2 Kera'ayatan Negeri Brunei

SEJAK tiga tahun dahulu negeri kita telah mengadakan peratoran2 untuk menetapkan siapa-kah yang sa-benar-nya warga negara atau ra'ayat Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan.

Peratoran2 itu di-tetapkan dalam satu undang2 yang di-namakan Undang2 Kera'ayatan Brunei Tahun 1961.

Mengikut undang2 keraya'atan itu ra'ayat Brunei terbahagi kepada tiga jenis.

Pertama ia-lah ra'ayat dengan kuatkuasa perjalanan undang2.

Ra'ayat di-bawah bahagian kuatkuasa perjalanan undang2 ini ia-lah orang2 Melayu dari puak2 Brunei yang terdiri dari Melayu Brunei, puak jati Belait, Bisayah, Dusun, Kedayan, Murut atau Tutong.

Undang2 Kera'ayatan Brunei itu juga mengakui lain2 puak asli Borneo sa-bagai warga negara mengikut kuatkuasa perjalanan undang2. Puak2 asli Borneo ini terdiri dari orang2 Bukitan, Dayak Laut, Dayak Darat, Kelabit, Kayan, Kenyah (termasuk puak Sabup dan Sipeng), Kajang (termasuk puak Sekapan, Kejaman, Lahanan, Punan Tanjong dan Kanowit), Lugat, Lisum, Melanau, Penan, Sian, Tagal, Tabun dan Ukit.

PUAK2 ASLI

Puak2 asli Borneo yang baharu di-sebutkan tadi di-akui sa-bagai ra'ayat mengikut kuatkuasa perjalanan undang2 dengan syarat bapa dan ibu mereka di-lahirkan di-Brunei.

Bukan orang2 dari puak2 jati Brunei dan anak2 puak2 jati Borneo yang telah di-lahirkan di-Brunei sahaja yang menjadi warga negara mengikut kuatkuasa perjalanan undang2.

Orang2 yang di-lahirkan di-luar negeri Brunei yang bapanya ia-lah ra'ayat Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan juga di-anggap sa-bagai warga negara dengan kuatkuasa perjalanan undang2.

Simpulan-nya, ra'ayat dengan kuatkuasa perjalanan undang2 itu terdiri dari:

- Puak2 jati Brunei.
- Anak2 puak2 jati Borneo yang ibu bapa-nya di-lahirkan di-Brunei, dan
- Orang2 yang di-lahirkan di-luar Brunei yang bapanya ia-lah ra'ayat Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan.

Satu lagi jenis warga negara

Brunei ia-lah ra'ayat yang di-daftarkan mengikut syarat2 dalam undang2 keraya'atan Brunei yang di-sebutkan tadi.

Ra'ayat yang di-daftarkan ini hendak-lah terdiri dari orang2 yang telah di-lahirkan di-Brunei seperti orang2 China, India, Melayu dari Malaysia dan lain2 bangsa.

Bagi orang2 ini hendak menjadi warga negara Brunei mereka hendak-lah memenohkan beberapa syarat mengikut kehendak Undang2 Kera'ayatan Brunei.

BERBAHASA MELAYU

Sharat yang penting sa-kali ia-lah mereka itu hendak-lah telah cukup umur dan telah tinggal di-negeri ini sa-lama 12 tahun, berkelakuan baik dan fasah berbahasa Melayu.

Jika mereka memenohi syarat2 ini baharu-lah boleh membuat permohonan hendak menjadi warga negara atau ra'ayat Duli Yang Maha Mulia.

Jika permohonan itu di-perkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia, maka nama mereka akan di-daftarkan sa-bagai ra'ayat yang di-daftarkan.

Ra'ayat jenis ketiga ia-lah penduduk2 negeri yang bukan-nya terdiri dari salah satu dari puak2 asli Brunei dan Borneo atau orang2 yang di-lahirkan di-Brunei tetapi terdiri dari orang2 dagang yang telah lama tinggal di-Brunei.

Orang2 dagang ini jika hendak menjadi warga negara hendak-lah telah tinggal di-Brunei sa-lama 20 tahun, berkelakuan baik dan fasah berbahasa Melayu.

WARGA NEGARA BRUNEI

Jika mereka memenohi syarat2 tersebut baharu-lah boleh membuat permohonan hendak menjadi warga negara Brunei dan jika permohonan itu di-perkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, nama mereka akan di-daftarkan sa-bagai ra'ayat yang di-warga negarakan.

Simpulan-nya; tiga jenis ra'ayat Brunei itu ia-lah:

- Ra'ayat dengan kuatkuasa perjalanan undang2.
- Ra'ayat yang di-daftarkan, dan

(iii) Ra'ayat dan di-warga negarakan.

Tujuan penjelasan ini ia-lah untuk menyatakan kepada penduduk2 negeri ini bahawa bukan semua-nya menjadi ra'ayat Duli Yang Maha Mulia.

Satengah2 penduduk itu telah tinggal di-negeri ini dengan tidak dapat di-akui sa-bagai warga negara, walau pun telah bertahun2 menjalankan urusan perniagaan dan kerja2 yang mustahak dalam pertadbiran kerajaan untuk mencapai kemajuan dan perkembangan negara yang diranchangkan oleh kerajaan bagi kebajikan ra'ayat dan negeri.

Orang2 yang termasuk dalam golongan ini di-benarkan tinggal di-negeri sambil menunggu ra'ayat mendapat kemahiran dan kelayakan untuk mengambil alih kerja2 yang di-jalankan oleh orang2 itu.

Supaya dapat anak2 Brunei memegang jawatan2 dan kerja2 yang sekarang di-jalankan oleh orang2 yang bukan warga negara atau ra'ayat Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, kerajaan telah mengadakan berbagai2 scholarship atau beasiswa dan menghantar anak2 negeri melawat ka-luar negeri untuk memerhatikan kemajuan dan chara2 pertadbiran negeri2 yang lebih maju dari Brunei, dengan tujuan supaya mereka balek ka-negeri membawa chita2 yang boleh mendatangkan faedah kepada negeri dan ra'ayat.

PELUANG BEKERJA

Kerajaan juga menyekat kemasukan pekerja2 dari luar negeri, menghadkan tempoh mereka tinggal di-negeri ini dan mengadakan lain2 sekatan yang semua-nya di-adakan untuk menjamin supaya peluang bekerja sentiasa terdapat kepada anak2 negeri.

Oleh sebab undang2 kera'ayatan itu baharu sahaja berjalan sa-lama tiga tahun lebih kurang, sudah tentu-lah ada keraguan di-kalangan ra'ayat dan mereka itu harus bertanya tentang kedudukan orang2 keturunan Brunei yang di-lahirkan di-luar negeri.

Jawapan-nya ia-lah mereka itu jatuh dalam kalangan ra'ayat mengikut kuatkuasa perjalanan undang2 sekira-nya orang2 yang di-lahirkan di-luar Brunei itu bapanya ia-lah ra'ayat Duli Yang Maha Mulia atau warga negara Brunei.

Sa-bagaimana yang di-lakukan oleh negeri2 lain di-dunia pada masa ini, Brunei juga waspada atas orang2 yang masuk dan keluar dari negeri.

Dalam mengawasi kemasukan dan pemergian orang2 dari negeri, kechualian tidak-lah dapat

di-lakukan. Sama ada orang2 yang hendak masuk atau keluar itu orang yang bukan warga negara atau ra'ayat, surat2 keterangan ada-lah di-perlukan sebelum mereka itu di-benarkan keluar atau masuk oleh pihak yang berkuasa.

Maka itu-lah sebab-nya di-adakan surat2 keterangan yang di-namakan antara lain passport atau surat pengenalan.

Bagi warga negara Brunei ada dua jenis passport atau surat pengenalan boleh di-dapati. Satu ia-lah British Passport untuk berjalan ka-negeri2 seberang laut seperti Malaya, England, Australia dan lain2 negeri. Yang satu jenis lagi ia-lah Surat Pengenalan Biasa ia-itu suatu kad pengenalan yang mengandungi gambar pembawa-nya. Surat Pengenalan Biasa ini mengikut nama-nya ia-lah untuk mengenalkan si-pembawa-nya dan surat ini boleh di-gunakan untuk berjalan ka-Sabah dan Sarawak sahaja.

SURAT PENGENALAN

Surat pengenalan biasa ini berwarna hijau tua dan jika telah di-dapati memberi akuan bahawa si-pemegang-nya ia-lah warga negara atau Ra'ayat Duli Yang Maha Mulia, atau pemegang2 surat tinggal tetap dan pemegang2 surat kebenaran masuk.

Surat pengenalan biasa itu elok di-bawa bersama2 dalam perjalanan di-dalam negeri terutama-nya dalam masa yang memerlukan sa-saorang itu mengenalkan diri-nya oleh pihak polis atau tentera di-sekatan2 jalan, atau pada masa peperiksaan ka-atas hotel2 dan rumah2 tumpangan.

Boleh jadi sa-saorang yang tidak mempunyai surat2 pengenalan atau tidak boleh menerangkan usul asal-nya dengan memuassakan di-sekatan2 jalan mithal-nya, akan di-tahan dan di-soal ia-itu suatu perkara yang hanya menyusahkan diri sendiri sahaja.

RA'AYAT D.Y.M.M.

Jalan untuk mendapatkan surat pengenalan biasa ini sangatlah mudah, terutama-nya bagi ra'ayat Duli Yang Maha Mulia dan warga negara yang di-sebutkan tadi. Mereka itu hanya di-kehendaki datang ka-Pejabat Imigresen berjumpa sa-orang pegawai yang di-gelar Pesuruhjaya Pendaftar Kebangsaan.

Pegawai Pendaftar Kebangsaan itu akan mengeluarkan Surat Pengenalan Biasa sa-telah ia puas hati dengan keterangan2 yang di-berikan kapada-nya bahawa si-pemohon itu ia-lah warga negara Brunei atau ra'ayat Duli Yang Maha Mulia.

Kerajaan Berusaha Memberikan Kemudahan2 Kepada Masharakat — Titah D.Y.M.M.

TUTONG. — D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan telah bertitah bahawa kerajaan ada-lah sentiasa berusaha dengan seberapa boleh yang dapat bagi memberikan kemudahan2 kepada semua lapisan masharakat di-negeri ini dalam berbagai segi terutama sekali dalam lapangan pelajaran.

Kemudahan2 itu, titah baginda, ada-lah semata2 untuk meninggikan lagi darjah kehidupan ra'ayat negeri ini.

Baginda menyampaikan titah tersebut dalam istiadat perbarisan kehormatan, bagi menyambut hari keputeraan baginda yang

Berita Yang Mengelirukan

(DARI MUKA SATU)

Kerma Indera Haji Mohamed; Juruiring kepada Duli Yang Maha Mulia; Mr. Wilkinson, ia itu sa-orang Australia yang pernah bekerja di-Brunei; sa-orang wakil Sharikat Penerbangan Qantas yang berpejabat di-Sydney dan sa-orang Australia bernama Mr. Rondancer.

Dalam perjumpaan yang mengambil masa yang sangat singkat itu, tidak ada perbualan yang lain — hanya-lah General Djatikusumo menjelaskan maksudnya mengadap Duli Yang Maha Mulia itu semata2 atas chara memberi kehormatan kepada Baginda sahaja atau "Courtesy Call".

Berita yang di-sebutkan bahawa Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan Brunei sebagai di-ugut ada-lah sebagai satu berita yang di-buat2 sahaja.

Mengenai laporan yang di-sebutkan bahawa perjanjian antara Indonesia dengan Brunei di-batalkan itu ada-lah satu cerita dongeng yang hanya mensifatkan "satu bayangan khayal" sebab Brunei tidak pernah mengikat dan membuat suatu perjanjian apa pun dengan Indonesia.

ka-48 tahun, yang telah di-langsungkan di-Padang Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong, pada pagi 29 September, 1964.

Dalam titah ucapan baginda di-istiadat tersebut baginda juga menyampaikan harapan, supaya usaha2 kerajaan untuk melaksanakan ranchangan2 kemajuan, akan mendapat sambutan baik dan kerjasama dari ra'ayat dan dengan itu nanti, segala perusahaan yang akan di-laksanakan dapat berjalan dengan mudah dan lalin.

Titah baginda, puncha utama bagi sa-sabua negara terkenal ka-seluruh dunia, ia-lah dengan hasrat dan niat yang benar2 menghintai keamanan dan mengawal ketenteraman dengan bersungguh2 sebagai amalan di-sanubari tiap2 ra'ayat.

Sabelum itu, Pegawai Daerah Tutong, Awang Abdul Ghani bin Hassan selaku wakil penduduk2 Daerah Tutong dalam ucapanannya telah menyatakan taat setia mereka dan sentiasa bersedia memberikan kerjasama demi untuk kebahagiaan negara.

Beliau juga menyatakan bahawa beberapa ranchangan perkembangan luar bandar di-daerah itu telah dapat di-nikmati oleh seluruh penduduk yang membuktikan bahawa kerajaan benar2 berusaha dan bertindak dalam mengorak langkah ka-arrah pembangunan negeri.

Usaha yang begitu besar, katanya, ada-lah untuk kesejahteraan dan kesenangan ra'ayat dalam sabua negara yang ingin berganding dengan negara2 yang maju dan makmor di-dunia ini.

PENGARAH PENYIARAN DAN PENERANGAN BRUNEI YANG BAHARU

BANDAR BRUNEI. — Bekas Pengarah Penerangan dan Perhubungan2 di-British Honduras; bekas Penasehat Pelajaran, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa2 Bersatu (U.N.E.S.C.O.) berkenaan dengan perkara2 yang bersangkutan puat dengan siaran radio kepada Kerajaan Togo; bekas Wartawan sa-buah akhbar di-Afrika Selatan; bekas Juruhebah dan kemudian-nya menjadi Ketua Steshen Radio di-British Guiana dan telah di-lantek oleh Kerajaan Brunei menjadi Pengarah Penyiaran dan Penerangan, Brunei yang baharu.

Beliau ia-lah Awang Gerard Victor de Freitas.

Awang Freitas telah tiba di-Brunei dari London dengan kapal terbang pada hari Khamis yang lalu untuk menyandang jawatan-nya yang baharu itu.

Awang Freitas telah di-lahirkan di-British Guiana 54 tahun dahulu. Mendiang ayah-nya ia-lah sa-orang Pegawai Kerajaan British Honduras.

Beliau telah mendapat pendidikan dalam hal ehwal pelajaran di-England selama 10 tahun mulai dari tahun 1922. Dalam masa itu, ia telah melanjutkan pelajaran di-Universiti Oxford, selama 4 tahun.

Awang Freitas mulai berkhidmat dengan Perkhidmatan Kehutanan Negeri Burma. Oleh kerana keuzoran, beliau terpaksa berhenti dari jawatan itu dan terus mempelajari Ilmu Kewartawanan.

Beliau kembali ka-British Guiana dalam tahun 1935 dan telah berkhidmat sa-bagai sa-orang Wartawan dengan akhbar "Argosy" di-Georgetown.

Tidak berapa lama kemudian,



Awang G.V. de Freitas

ia berhenti menjadi Wartawan dan kali itu berkhidmat sa-bagai sa-orang Juruhebah sa-buah Steshen Radio di-British Guiana.

Awang Freitas kemudian-nya telah menjadi Ketua Steshen Radio itu selama 12 tahun.

Sa-lepas itu ia berangkat ka-Trinidad dalam tahun 1947 dimana ia telah mendapat jawatan sa-bagai Pengarah Ranchangan sa-buah Steshen Radio yang baharu di-tubuhkan di-Port-of-Spain. Ia menyandang jawatan itu hingga ka-tahun 1955.

Kemudian ia telah berangkat ka-London pula. Pada kali itu, ia telah berkhidmat dengan Majallah Bulanan, "New Commonwealth".

Awang Freitas telah di-lantek menjadi Pengarah Penerangan dan Perhubungan2 di-British Honduras dalam tahun 1957 dan telah menyandang jawatan itu selama 5 tahun.

Sa-lepas tamat perkhidmatannya dengan Kerajaan British Honduras dalam tahun 1962, ia pun kembali ka-England dan dalam tahun itu juga ia telah di-lantek menjadi Penasehat U.N.E.S.C.O. berkenaan dengan perkara2 yang bersangkutan puat dengan siaran radio kepada Kerajaan Togo.

Ia kembali ka-England pada penghujung tahun 1963. Kemudian ia di-jadualkan berangkat ka-Cambodia untuk menyandang jawatan sa-bagai Penasehat U.N.E.S.C.O. itu sa-bagai mana tersebut, di-bawah Ranchangan Colombo, untuk Asia Tenggara.

Oleh kerana Kerajaan Inggeris telah menarek-balek semua pertolongan teknik kepada Kerajaan Cambodia, di-sebabkan keadaan politik, maka Awang Freitas tidak-lah jadi berkhidmat di-Cambodia.

Sa-balek-nya ia telah di-tanya sa-kira-nya ia sudi datang ka-Brunei untuk berkhidmat sa-bagai Pengarah Penyiaran dan Penerangan? Dan pada hari Khamis yang lalu Awang Freitas pun tiba-lah di-negeri ini untuk menyandang jawatan-nya yang baharu itu.

D. Y. M. M. Merasmikan Pembukaan Jalan Baharu

LAMUNIN. — Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan telah merasmikan pembukaan sa-batang jalan kecil yang baru bagi kawasan luar bandar baharu2 ini. Jalan itu menyambungkan Kompang Birau dan Kompang Sentul di-Daerah Tutong.

Jalan baru itu yang bermula dari Jalan Besar Lamunin sekarang akan memberikan kemudahan masuk keluar kepada penduduk2 di-kawasan tersebut, yang dulu-nya telah menggunakan lorong2 hutan untuk membawa hasil2 usaha mereka kapasar.

Semasa bertitah di-hadapan penduduk2 dari dua buah kampung tersebut yang telah berkumpul di-Kampung Birau untuk menyaksikan Duli Yang Maha Mulia merasmikan pembukaan jalan itu, baginda bertitah, jalan itu di-bena sebagai satu usaha untuk meninggikan darjah hidup penduduk2 kedua2 buah kampung tersebut.

Baginda juga mengingatkan

penduduk2 di-kampung itu supaya menggunakan jalan raya yang baharu itu untuk membawa kapasar hasil mahsul kampung mereka supaya orang2 tengah tidak mendapat peluang mengambil keuntungan yang berlipat ganda.

Dalam titah-nya Baginda telah juga menyentuh tentang usaha2 kerajaan untuk memperbaiki lagi keadaan dalam negeri. Titah Baginda, satu ranchangan kemajuan telah di-lancarkan dengan tujuan untuk memperbaiki lagi ekonomi, dan menchapai kemajuan dalam bidang politik dan pembangunan kemasharakatan.

Baginda bertitah, sa-tengah daripada ranchangan2 dan projek di-bawah ranchangan itu ma-

lang-nya terpaksa di-tanggohkan di-sebabkan oleh penderhakaan yang di-chetuskan oleh sa-kumpulan petualang2 yang tidak bertanggung jawab.

Bagaimana pun, titah Baginda, kerajaan akan terus melaksanakan ranchangan-nya untuk memberikan kesenangan kepada ra'ayat dan negara.

Jalan tersebut ia-lah salah satu daripada jalan2 yang di-bena di-bawah ranchangan kemajuan bagi daerah Tutong.

Sejak ranchangan itu di-lancarkan dalam awal tahun dulu, Daerah Tutong telah membena 25 jalan baru dengan memakan belanja kira2 \$700,000.

Sebelum itu ucapan2 telah disampaikan oleh Pegawai Daerah Tutong, Awang Abdul Ghani bin Hassan dan Wakil Penduduk2 Kampung, Awang Marsal bin Haji Hassan.

PERADUAN TRENGKAS DAN MENAIP ANJORAN PERSATUAN TRENGKAS MELAYU BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Persatuan Trengkas Melayu Brunei akan mengadakan Peraduan Trengkas/Seni Gregg dan Menaip terbuka kepada ahli2 persatuan itu serta juga penuntut/penulis trengkas, lelaki dan perempuan.

PERTANDINGAN BINTANG KEPUTERAAN

BANDAR BRUNEI. — Pertandingan menyanyi bagi merentukan gelaran "Bintang Keputeraan 1964" telah di-adakan di Padang Besar Bandar Brunei baharu2 ini sa-bagai menyambut Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan.

Keputusan pertandingan tersebut ia-lah:

Bahagian Lelaki Dewasa: 1. Ismail bin Awang Damit; 2. Azmain Kamar Ariffin; 3. A.B. Mohammad Ariff.

Bahagian Perempuan Dewasa: 1. Asmah binte Mohd. Yassin; 2. Hamidah binte Yusof; 3. Sulaida binte Umar.

Bahagian Kanak2 Lelaki: 1. Ak. Yahya bin Pg. Chuchu; 2. Abdul Rahman bin Haji Naim; 3. Abas bin Hidup.

Bahagian Kanak2 Perempuan: 1. Mashuarah binte Awg. Besar; 2. Zainab binte Abdul Jalil; 3. Dk. Isanah binte Pengiran Umar.

PERADUAN BACHAAN AL-KORAN DAERAH TUTONG

TUTONG. — Peraduan Bachaan Al-Koran Daerah Tutong bagi menyambut Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan telah di-langsungkan di-kawasan bekas Taman Bunga, Pekan Tutong pada malam 29 dan 30 September dengan memperolehi kejayaan.

Keputusan peraduan tersebut ada-lah di-siarkan di-bawah ini:

BAHAGIAN KANAK2 LAKI2

Johan: Abdullah bin Bakri, dari Layong.

Naib Johan: Alimas bin Md. Daud, dari Tutong (A).

Ketiga: Abd. Mulok bin Md. Jaya, dari Birau.

BAHAGIAN LAKI2 DEWASA

Johan: Hj. Abd. Hamid bin Metasan, dari Tutong (A).

Naib Johan: Zubaid bin Hj. Yassin, dari Tanjong Maya.

Ketiga: Abd. Wahab bin Othman, dari Penanjong.

BAHAGIAN KANAK2 PEREMPUAN

Johan: Fatimah bte Simpol, dari Tutong (B).

Naib Johan: Zainab bte A. Manaf, dari Tanjong Maya.

Ketiga: Fatimah bte Hj. Abd. Hamid, dari Tutong (A).

Guru2 Trengkas dari Trengkas Melayu Institute Singapura tidak-lah boleh mengambil bahagian dalam peraduan tersebut.

Peraduan Trengkas (Kepantasan) ada-lah terbahagi kepada tiga peringkat ia-itu.

1. Permulaan 60 p.s.m. mengandungi dua renchana, kertas 'A' dan 'B' yang di-bachakan dalam tempoh lima (5) minit pada tiap2 renchana. Peserta boleh menchatet ke-dua2 renchana tetapi hanya di-kehendaki memilih salah satu daripada renchana2 itu untuk terjemahan. Peringkat ini hanya terbuka untuk penuntut/penulis peringkat Permulaan sahaja. Bayaran memasuki peraduan \$ 1.00;

2. Menengah 80 p.s.m. mengandungi dua renchana, kertas 'A' dan 'B' yang di-bachakan dalam tempoh lima (5) minit pada tiap2 renchana. Peserta boleh menchatet ke-dua2 renchana tetapi hanya di-kehendaki memilih salah satu daripada renchana2 itu untuk terjemahan. Peringkat ini hanya terbuka untuk penuntut/penulis peringkat Permulaan/Menengah sahaja. Bayaran memasuki peraduan \$ 1.00;

3. Tertinggi 110 p.s.m. mengandungi dua renchana, kertas 'A' dan 'B' yang di-bachakan dalam tempoh empat (4) minit pada tiap2 renchana. Peserta di-kehendaki menchatet ke-dua2 renchana itu, dan di-kehendaki menterjemahkan ke-dua2 renchana itu. Peringkat ini terbuka kepada penuntut/penulis peringkat Permulaan/Menengah/Tertinggi. Bayaran memasuki peraduan \$1.50.

Peraduan Seni Gregg :

1. Seni Gregg ia-lah 'tulisan rengkas' yang sedia di-tulis dengan 'trengkas.' Chontoh yang di-sediakan untuk peraduan ini akan di-bahagi kepada peserta dan peserta ada-lah di-kehendaki menyalin (menulis) semula dengan trengkas pada kertas yang lain dengan mengikut saperti chontoh yang di-sediakan. Peraduan ini terbuka kepada penuntut/penulis trengkas peringkat Permulaan/Menengah/Tertinggi. Bayaran memasuki peraduan \$1.50.

Peraduan Menaip :

Peraduan Menaip ada-lah terbahagi dua peringkat ia-itu peringkat Permulaan dan Menengah. Peraduan ini ada-lah terbuka kepada penuntut/penulis trengkas semua peringkat dan orang ramai yang ingin menyertai-nya. Bayaran memasuki peraduan ia-lah \$1.00 bagi tiap2 peringkat.

Dua hadiah rebutan selama tiga tahun sedia untuk di-menangi oleh peserta2 yang berjaya. Hadiah2 itu ia-lah untuk Peraduan Seni Gregg dan Peraduan Trengkas (Kepantasan) Peringkat Tertinggi 110 p.s.m. dan beberapa hadiah berupa piala untuk di-ambil terus oleh peserta.

Pemohonan2 ada-lah di-mulakan dari sekarang dan akan di-tutup pada 10 Oktober, 1964. Pemohonan2 yang lewat di-terima daripada tarikh tersebut tidak di-layani.

Borang2 permohonan mendaftar boleh di-dapati daripada Ibrahim Ghani, Setia Usaha Peraduan, d/a Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Bandar Brunei.

BAHAGIAN PEREMPUAN DEWASA :

Johan: Rubiah bte Hj. Jawi, dari Layong.

Naib Johan: Mordhiah bte Hj. Yassin, dari Kuala Tutong.

Ketiga: Ayahani bte Suhaili, dari Tutong (A).



Gambar ini di-ambil di-Pusat Penchubaaan Tanam2an Kilanas dalam bulan September yang lalu sa-lepas enam orang petani2 dalam gambar ini yang telah tamat menghadiri Kursus Pertanian selama dua bulan menerima Sijil2. Sijil2 itu telah di-sampaikan kepada mereka oleh Yang Berhormat Awang Arshad bin Marsal.

Pasar Gembira Di-Kuala Belait Berjaya

KUALA BELAIT. — Satu majlis menyampaikan hadiah2 kepada pemenang2 dalam berbagai2 peraduan yang telah di-langsungkan di-Kuala Belait sebagai menyambut Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan telah di-adakan di-pentas Aneka Warna, Pasar Gembira, Kuala Belait pada malam 28 September.

Hadiah2 itu telah di-sampaikan oleh Penolong Pegawai Daerah Belait, Yang Mulia Pengiran Othman bin Pengiran Anak Mohamad Salleh; Awang E.P. Espejo dan oleh isteri Yang Mulia Orang Kaya Indera Negara Awang Jaraie.

Pada malam tersebut beribu2 orang dari berbagai2 bangsa telah mengunjongi ka-Pasar Gembira itu untuk menyaksikan berbagai2 acara yang telah di-adakan.

Di-antara achara2 itu ia-lah persembahan Aneka Warna oleh Kumpulan Seni Budaya Kelab Belia Seria; Permainan2 kereta langgar, kereta api, kapal terbang, sampan, kuda kayu, pertunjukan ayer memanchut dan lain2-nya.

Peraduan Bachaan Al-Koran Di-Kuala Belait

KUALA BELAIT. — Ramai khari2 dan khariah2 telah mengambil bahagian dalam Peraduan Bachaan Al-Koran Daerah Belait yang telah di-langsungkan di-Masjid Muhammad Jamalul Alam, Kuala Belait baharu2 ini sa-bagai menyambut Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan.

Keputusan peraduan tersebut ada-lah saperti berikut :

BAHAGIAN LELAKI DEWASA : 1. Awang Morni bin Ghafar, 2. Awang Ali bin Sani, 3. Awang Morni bin Sanai.

BAHAGIAN PEREMPUAN DEWASA : 1. Dayang Taibah binti Kudi, 2. Dayang Halimah binti Abang Dol, 3. Dayang Aishah binti Mudim Haji Adanan.

BAHAGIAN KANAK2 LELAKI : 1. Awang Saifun bin Awang Besar, 2. Awang Haji Zaini bin Imam Awang Tamin, 3. Awang Othman bin Imam Awang Tamin.

BAHAGIAN KANAK2 PEREMPUAN : 1. Dayang Samiah binti Abang Abu Hanifah, 2. Davang Salbiah binti Mudim Haji Adanan, 3. Dayang Rosnah binti Awang Hamid.

PERLAWANAN TINJU SAMBUTAN HARI KEPUTERAAN D. Y. M. M.

BANDAR BRUNEI.—Ramai ahli2 tinju tempatan telah mengambil bahagian di-dalam Perlindungan Tinju yang telah di-dakan di Dewan Kemasyarakatan, Bandar Brunei pada malam 27 September, 1964.

Pertandingan "Bintang Suara Keputeraan"

KUALA BELAIT. — Hussain Malek sa-orang penyanyi yang terkenal dari Pancharagam Pancha Kirana telah mendapat gelaran "Bintang Suara Keputeraan 1964," Bahagian Lelaki, dalam pertandingan menyanyi yang telah di-adakan di-Kuala Belait pada malam 27 September sebagai menyambut Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan.

Hussain telah menyanyi lagu2 Menjelang Bahagia (langgam) dan Mega Mendong (asli).

Ia telah mengalahkan J. Sani dari Kuala Belait juga dengan hanya satu mata sahaja. Dalam pertandingan itu, Hussain Malek mendapat 78 mata, manakala J. Sani pula mendapat 77 mata.

Pemenang yang ketiga ialah Awangku Idris bin Pengiran Said (kekanda Dayangku Iring, Bintang Radio Brunei Bahagian Wanita Tahun 1962).

Dalam Bahagian Perempuan pula pemenang gelaran tersebut ialah Dayang Suraya Salleh dari Pancharagam Pancha Kirana.

Dayang Suraya telah menyanyi lagu Semalam Ku Bermimpi (langgam) dan Seri Sarawak (asli).

Naib Johan pertandingan bahagian tersebut ialah Dayangku Halimah binti Pengiran Said, manakala Dayang Latifah binti Shafie telah mendapat gelaran yang ketiga dalam pertandingan tersebut.


Perlindungan tinju tersebut telah di-adakan sa-bagai menyambut Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan.

Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indra Haji Muhammad telah menyampaikan hadiah2 dan keputusan-nya ada-lah seperti berikut :

Bantam Weight : Raub, Brunei telah mengalahkan Mulee Beriak, Seria mengikut hitungan mata.

Junior Fly Weight : Bujang Ali telah mengalahkan Junaidi, mengikut hitungan mata, kedua2-nya dari Seria. Jumat Ismail, Seria telah mengalahkan Conrad Boyd, Brunei yang tidak dapat meneruskan perlawanan dan berhenti dalam pusingan ke-dua.

Francis Lim telah mengalahkan Wong Chee Hwa mengikut hitungan mata, kedua2-nya dari Seria.



Adoif Momin Idris dari Bandar Brunei (kiri) kelihatan dalam gambar ini menumbok Richard Sim dari Seria dalam Perlindungan Tinju bagi menyambut Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia di-Dewan Kemasyarakatan, Bandar Brunei baharu2 ini. Momin telah menang dengan hitungan mata.

Light Weight : Momin Idris, Brunei telah mengalahkan Richard Sim, Seria, mengikut hitungan mata.

Midget Weight : Ali Hassan, Seria telah mengalahkan Edward King, Brunei dengan di-berhentikan oleh pengadil dalam pusingan pertama. Omar telah mengalahkan Sulaiman, mengikut

hitungan mata, kedua2-nya dari Seria.

Feather Weight : Abit Ambun telah mengalahkan Abdul Aziz, mengikut hitungan mata, kedua2-nya dari Seria. Mohamad Tuddin, Brunei telah mengalahkan Jellingai, Seria dengan pengadil memberhentikan perlawanan itu dalam pusingan ke-dua.

KRIKET : PASOKAN SEKOLAH2 BRUNEI MENGALAHKAN P. S. SABAH

BANDAR BRUNEI. — Pasokan Champoran Sekolah2 Sa-Negeri Brunei telah mengalahkan Pasokan Champoran Sekolah2 Sabah dalam Perlindungan Kriket antara Wilayah2 Borneo dengan 101 "lari."

Perlindungan tersebut telah di-langsungkan di-Jesselton pada 19 dan 20 September, 1964 untuk merebutkan Perisai yang di-kurniakan oleh Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin.

Pasokan Champoran Sekolah2 Sa-Negeri Brunei telah memperolehi sa-jumlah 196 "lari", manakala Pasokan Champoran Sekolah2 Sabah telah mendapat sa-banyak 95 "lari".

Dalam pusingan pertama, Pa-

sokan Brunei telah mendapat 97 "lari" dan dalam pusingan kedua pasokan tersebut mendapat 99 "lari".

Pasokan Sabah pula telah mendapat 32 "lari" dalam pusingan kedua dan 63 "lari" lagi dalam pusingan kedua.

Peserta yang mendapat "lari" yang banyak sekali untuk Pasokan Brunei ia-lah Han Foo Kuang.

Ini-lah kali yang ketiga Pasokan Champoran Sekolah2 Sa-

Negeri Brunei memenangi perlawanan kriket tersebut semenjak perlawanan itu di-adakan empat tahun dahulu.

Pasokan Champoran Sekolah2 Sa-Negeri Brunei telah memenangi perlawanan tersebut dalam tahun2 1961, 1963 dan tahun ini.

Pasokan Champoran Sekolah2 Sabah pula telah memenangi perlawanan itu dalam tahun 1962. Demikian di-terangkan oleh Awang Abdul Razak bin Bongsu, Pengurus, Pasokan Champoran Permainan Kriket Sekolah2 Sa-Negeri Brunei pada masa beliau dan pemain2 pasokan tersebut balek dari Jesselton ka-Brunei pada 21 September.

LUMBA BASIKAL

BANDAR BRUNEI. — Satu perlumbaan basikal yang hebat, terbuka kepada pelumba2 basikal lelaki dan perempuan, telah di-adakan di-Bandar Brunei dalam bulan September yang lalu.

Perlumbaan basikal tersebut telah di-adakan sa-bagai salah satu acara sambutan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan.

Keputusan-nya ada-lah seperti berikut :

BAHAGIAN SENIOR : Johan — Albert Khoo, Naib Johan — Joseph Chin dan Pemenang Ketiga — Zainal Abidin.

BAHAGIAN JUNIOR : Johan — Ronald Thomas, Naib Johan — Adnan Othman dan Pemenang Ketiga — Ya'akub Sani.

BAHAGIAN ORANG2 TUA : Johan — O. R. Thomas, Naib Johan — Douglas Boyd dan Pemenang Ketiga — Charles Keasberry.

BAHAGIAN WANITA : Johan — Young Siew Chon, Naib Johan — Chee Suk Chin dan Pemenang Ketiga — Betty Chong.



Beberapa orang pelumba kelihatan dalam gambar ini bersedia sa-belum di-mulakan satu perlumbaan basikal di-kawasan Tongkadeh, Bandar Brunei dalam bulan September yang lalu sa-bagai menyambut Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan.



Setia Usaha Kerajaan Brunei, Y.B. Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamad Yusof turun dari kapal terbang Cessna Skywagon sa-lapas beliau "terbang" bersama2 dengan dua orang Pegawai2 Kanan Kerajaan pada hari Sabtu yang lalu. Kaptan Ambrose Tai kelihatan memegang tangan beliau.



GAMBAR ATAS: Duli Yang Maha Mulia kelihatan ber-tangkap dengan Kaptan McWilliams Pemandu kapal terbang Cessna Skywagon sa-belum Baginda menaiki kapal terbang itu pada hari Sabtu 3 Oktober. GAMBAR BAWAH: Gambar ini di-ambil di-Lapangan Terbang Brunei pada hari Sabtu yang lalu sa-belum Menteri Besar Brunei, Y.A.B. Dato Seri Paduka Marsal bin Maun (nombor dua dari kiri); Y.B. Awang Mohamad Salleh bin Haji Masri dan Y.B. Awang W.I. Glass menaiki kapal terbang tersebut.



Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan kelihatan turun dari kapal terbang Cessna Skywagon setelah Baginda serta dua orang Putera2 Baginda menaiki kapal terbang itu pada hari Sabtu yang lalu. Di-kiri ia-lah Y.B. Awang W.I. Glass

Pertunjokan Penerbangan Kapal Terbang Darat Dan Laut Di-Brunei

BERAKAS. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin serta dua orang Putera2 Baginda, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Sufri Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Jafri Bolkiah telah mendarat di-darat dan di-ayer dalam sa-buah kapal terbang di-Brunei pada pagi hari Sabtu 3 Oktober, 1964.

Semasa penerbangan tersebut, Duli Yang Maha Mulia telah di-iringi oleh Timbalan Pesuruh Jaya Pulis, Pengiran Dato Pahlawan Jaya bin Pengiran Haji Rajid.

Kapal terbang tersebut jenis amphibian Cessna 185 Skywagon ada-lah kepunyaan berkhidmatan Penerbangan Sabah Sarawak Berhad (SAWAK) dan telah tiba di-Brunei dari London melalui Kuching pada hari Jumaat 2 Oktober.

Kapal terbang itu di-pandu oleh Kaptan Herb C. McWilliams, bekas Pengurus Kawasan Timor Jauh Sharikat Penerbangan Cessna, Wichita, Kansas, Amerika Sharikat.

Di-antara orang2 yang telah "terbang" dalam kapal terbang Cessna 185 Skywagon tersebut pada masa lawatan-nya ka-Brunei pada minggu yang lalu ia-lah Pesuruh Jaya Tinggi Inggeris di-Brunei, Yang Terutama Awang E.O. Laird; Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal; Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamad Yusuf; Peguam Negara Brunei, Yang Berhormat Awang Idris Talog Davies; Pegawai Kabajikan Masyarakat Negara Brunei,

Berhormat Awang W.I. Glass; Pemangku Pesuruh Jaya Kemajuan Negara, Yang Berhormat Awang John Lee dan lain2-nya.

Kaptan McWilliams telah datang ka-Brunei bersama2 dengan Kaptan Ambrose J. Tai dan Awang J. K. Kolff. Kaptan Ambrose Tai ia-lah Pengarah Urusan, Sharikat Perkhidmatan Penerbangan Sabah, Sarawak Berhad (SAWAK). Ibu Pejabat-nya ia-lah di-Jesselton. Awang Kolff pula ia-lah Pengarah Urusan, Sharikat Perkhidmatan Penerbangan Malaysia Berhad. Ibu Pejabat-nya ia-lah di-Kuala Lumpur.

Yang Berhormat Awang Mohamed Salleh bin Haji Masri; Pengawal Perkhidmatan Penerbangan Awam Brunei, Yang

Kapal terbang tersebut berharga kira2 \$125,000 boleh terbang diantara 130 batu dan 170 batu satu jam. Ia dapat muat 4 orang, ia-itu sa-orang pemandu dan tiga orang penumpang dan boleh "naik" ka-udara dan turun di-darat dan di-ayer dengan senang sahaja.

Tiga orang lagi telah di-beri peluang oleh pihak yang berkenaan kapal terbang itu untuk "terbang" dalam kapal terbang tersebut serta memerhatikan chara2 penerbangan kapal terbang darat dan laut itu. Mereka ia-lah sa-orang pemuda Brunei yang biasa mempelajari membawa kapal terbang pada masa ia belajar di-Australia beberapa tahun dahulu, ia-itu Pengiran Idris bin P.K.I. Haji Muhammad dari Jabatan Pelajaran Brunei; Awang Sharbini Taha, sa-orang Jurugambar Jabatan Penyiaran dan Penerangan Brunei dan Pengarang akhbar ini. — MZA.

DAYANG BRUNEI TAHUN 1964



Pertandingan2 untuk merebutkan gelaran2 AWANG BRUNEI ("Mister Brunei") dan DAYANG BRUNEI ("Miss Brunei") yang baharu telah di-adakan di-Dewan Kemasyarakatan, Bandar Brunei pada malam 30 September, 1964. Pertandingan2 itu di-adakan sebagai menyambut Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan. Keputusan2 pertandingan2 tersebut ia-lah: AWANG BRUNEI: 1. Private Abdul Rahman bin Shamsudin dari Askar Melayu Brunei. 2. Lance Corporal Yunus bin Tudin dari Askar Melayu Brunei dan 3. Shamsudin bin Isnin dari Pejabat Setia Usaha Kerajaan Brunei. DAYANG BRUNEI: 1. Che Rosni Hamidoon. 2. Dayang Lim Pee Choon dan 3. Chegu Aminah binti Abdul Rahman dari Maktab Perguruan Melayu Brunei. Dalam gambar atas kelihatan Che Rosni Hamidoon tersenyum dengan wajah yang berseri sa-lapas ia berjaya mendapat gelaran DAYANG BRUNEI TAHUN 1964.

KETUA PENGAKAP KOMONWEALTH MELAWAT BRUNEI

SERIA — Ketua Pengakap Kemonwealth, Sir Charles MacLean akan melawat ka-Negeri Brunei selama tiga hari dalam bulan ini.

Belau di-jadualkan tiba di-Brunei dengan kapal terbang dari Labuan pada pukul 4 petang hari Sabtu 17 Oktober. Pada malam itu beliau akan menhadhiri satu temasha Unggun Api di-Perkhemahan Pengakap Sa-Negeri Brunei di-Jalan Gadong.

Pada pukul 5 petang hari Isnin 19 Oktober beliau akan menghadhiri satu majlis Perjumpaan Pengakap2 Daerah Belait bertempat di-Ibu Pejabat Pengakap2 Seria, ia-itu berhadapan Maktab Anthony Abell dan berangkat ka-Miri pada pagi hari Selasa 20 Oktober.